

MAHATHIR - TIMUR

(1)

1984

PETALING JAYA, 27 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENYOAL KEIKHLASAN JEPUN MEMBANTU MALAYSIA D A L A M RANCANGAN PERMODENANNYA DAN MENGGESA JEPUN SUPAYA BERHENTIDARIPADA MENJADI +PENERIMA + SAHAJA DALAM HUBUNGANNYA DENGAN NECARA INI.

PERDANAMENTERI MEMBERITAHU JEPUN BAHAWA DASAR PANDANG KE TIMUR BUKAN UNTUK MENYURUHNYA +BERSIKAP ANGKUH ATAU TIDAK SENSITIF+.

DALAM UCAPANNYA YANG DIBACAKAN OLEH MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, TENGGU RAZALEICH HAMZAH DI MAJLIS PERASMIAN KOLOKXUM MALAYSIA-JEPUN YANG PERTAMA DI SINI HARI INI, BELIAU JUGAMENSIFATKAN EKONOMI JEPUN SEBAGAI +TERLALU MEMBERI PERLINDUNGAN+ DAN MEMINTA IA MEMBUKA PASARANNYA KEPADA LEBIHBANYAK BARANG BUATAN NEGARA INI.

+ SAYA HARAP JEPUN BUKAN SAHAJA MELIHAT UNTUK MENENTUKAN APA YANG MEREKA BOLEH AMBIL TETAPI JUGA SUMBANGAN YANG BOLEH MEREKA BERIKAN,+ T A M B A H N Y A .

DATUKSERI DR. MAHATHIR DIJADUAL MERASMIKAN MESYUARAT DUA HARI ITU TIDAK DAPAT HADIR DI SAAT-SAAT AKHIR.

KOLOKIUUM YTU DIANJURKAN OLEH INSTITUT STRATEGIK DAN PENGAJIAN ANTARABANGSA DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN LUAR JEPUN DIHADIRIOLEH PARAINTELEK, PELAJAR, PEMIMPIN MEDIA MASSA, ORANGRAMAI DAN SEKTOR AWAM DARI KEDUA-DUA NEGARA.--LAGI

1433MST 27 08 04

0993'

U 8263 DEB

MAHATHIR - TIMUR 2 PETALING JAYA

PERDANA MENTERI JUGA MENYATAKAN KEKHUATIRAMNYA DENGAN +ELEMEN PERHUBUNGAN YANG BERAT SEBELAH DALAM HUBUNGAN KEDUA-DUA NEGARA HARI INI+ DAN MENGGESA JEPUN SUPAYA IKHLAS DAN BERTANGGUNGJAWAB D A L A M MEMBANTU MALAYSIA MEMBANGUNKAN EKONOMI, POLITIK DAN HUBUNGAN SOSYALNYA.

BELIAU JUGA MENYATAKAN BEBERAPA PERKARA YANG TIDAK MEMUASKAN HATI NEGARA INI TENTANG SIKAP JEPUN DALAM HUBUNGAN KEDUA-DUA NEGARA TERMASUK KURANGAN DALAW PERDAGANGAN MALAYSIA-JEPUN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERTANYA: + ADAKAH JEPUN BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN BENAR-BENAR' IKHLAS DALAM MEMBANGUNKAN HUBUNGAN EKONOMI, POLITIK DAN SOSIALNYA DENGAN NEGARA INI?+

+ HUBUNGAN DUA HALA YANG MACAM MANA BOLEH KITA ADAKAN DI MASA DEPAN SUPAYA IA BERDASRKAN HORMAT MENGHORMATI DAN BUKAN HUBUNGAN YANG BERAT SEBELAH. +

+ BOLEHKAH KEDUA-DUA NEGARA MENGATASIBEBERAPA MASALAH PENTING YANG SELAMA INI MENGANCAM HUBUNGAN MEREKA? + --LAGI

1450MST 27 08 04

0011

R B269 DEB

MAHATHIR - TIMUR 3 PETALING JAYA

PERDANA MENTERI PERCAYA JEPUN BOLEH DAN SEKURANG-KURANGNYA MEMBETULKAN MASALAH INI KERANA HUBUNGAN MEREKA AKAN BERKAIT RAPAT DI MASA AKAN DATANG.

+ KITA SEBAHAGIAN DARIPADA PASIFIK DAN MESTI HIDUP BERSAMA, DALAM AMAN, DAN BEKERJASAMA, YANG MENGUNTUNGAN KEDUA-DUA NEGARA ATAU PUN SEBALIKNYA. +

DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN BAHAWA HIDUP DENGAN AMAN DAN BEKERJASAMA ADALAH LEBIH BAKX DAN SATU PERHUBUNGAN YANG BERAT SEBELAH TIDAK AKAN STABIL.

+ IA TAK BOLEH BERKERAS KERANA IA AKAW MENIMBULKAN KEADAAN TEGANG DAN KEMUNGKINAN JUGAHURU-HARA. +

BELIAU MENGAKUI NEGARA INI MUNGKIN TIDAK AKAN JADI SEPerti YANG ADA SEKARANG TANPA KERJASAMA DAN BANTUAN JEPUN, TETAPI INI IALAH KERANA KEKUATAN PASARANNYA DAN JUGA KEPENTINGAN PERIBADI MEREKA.--LAGI

MAHATHIR - TIMUR 4 PETALING JAYA
DATUK SERI DR. MAHATHIR PERCAYA SESUATU MESTI DIBUAT UNTUK
MEMPERBAIKI CORAK HUBUNGAN EKONOMI ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.
+ CORAK ITU BANYAK PERSAMAAN DENGAN CORAK KELASIK PENJAJAHAN
EKONOMI. JIKA HANYA AKAN MENIMBULKAN KETEGANGAN DI TAHUN-TAHUN AKAN
DATANG. +

BELIAU MENEGASKAN JEPUN DAN MALAYSIA ADALAH RAKA N TETAPI BELIAU
MENGINGATKAN IA MUDAH PERGI DAN MENCARI YANG BARU BUKAN SATU PERKARA
YANG MUDAH PULA.

PERDANA MENTERI BERHARAP MESYUARAT TERTUTUP ITU AKAN MEMBANTU
MENGUKUHKAN HUBUNGAN RAPAT DAN MENGGESA JEPUN SUPAYA JANGAN
MENYEMBUNYIKAN SEBARANG PERKARA.

+ KETENGAHKAN SEBARANG PERKARA SUPAYA DAPAT MENGETAHUI PERKARA
YANG TIDAK TAHU = APA YANG DIKETAHUI BOLEH DIKEMBANGKAN DAN APA YANG
PERLU DIFAHAMKAN AKAN DIFAHAMI SEPENUHNYA. +

--LAGI

1618MST 27 08 84

DC21

R B273 DEB

MAHATHIR - TIMUR 5 PETALING JAYA

DR. MAHATHIR YANG MENJADI TENAGA PENGERK UNTUK MEMPELAJARI DARI
JEPUN MELALUI + DASAR PANDANG KE TIMUR + MENEGASKAN DASAR ITU TIDAK
BERMAKNARAKYAT MALAYSIA HARUS MEMBELI ATAU MENJUAL BARANG BUATAN
JEPUN SAHAJA.

IA CUMA BERERTIRAKYAT MALAYSIA MEMPELAJARI BAGAIMANA JEPUN
BOLEH BERJAYA DALAM MODENISASINYA, ETIKA KERJA YANG BAIK, KESEDARAN
SOSIAL, AMANAH DAN BERDISIPLIN, SATU KESEDARAN SOSIAL YANG KUAT DAN:
ORIENTASI MASYARAKAT, TEKNIK PENGURUSAN YANG BAIK, PERSYARIKATAN
JEPUN, SOGOSHOSHAS DAN PENJUALAN YANG AGRESIF.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA MATLAMAT EKONOMI MALAYSIA SEKARANG
TIDAK ADA, BEZANYA DENGAN MATLAMAT YANG TELAH DITETAPKAN OLEH JEPUN
DALAM TAHUN 1960AN IAITU PEMBANGUNAN PESAT MELALUI PENINGKATAN
PENGELUARAN, PENGELUARAN PERUSAHAAN YANG LEBIH TINGGI DAN
PENGELUARAN EKSPORT. --BERNAMA

1620MST 27 08 84